



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**
Shaping the Future

E-ISSN: 2682-7948

Buletin APB

EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Aktiviti Latihan Dalam Kumpulan Program GOP 6.0: 'Blossom The Ideas'

**ROPISAH ME, JAMIL MOHAMED SAPARI
& SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD GHAZALI**
UiTM KAMPUS KUALA PILAH

Pusat Pengajian Kimia & Alam Sekitar (PPKAS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, telah berjaya menganjurkan Program 'Global Outreach Program (GOP) 6.0' yang berlangsung pada 21 – 25 Ogos 2023, bertempat di UiTM CNS, Kampus Kuala Pilah. Program ini disertai oleh 79 mahasiswa daripada beberapa buah universiti yang terdiri dari 30 mahasiswa dari Malaysia (UiTM CNS) dan 49 mahasiswa dari Indonesia (22 mahasiswa Universiti Islam Indonesia, 12 mahasiswa Telkom University, 10 mahasiswa Universiti Malang dan 5 mahasiswa Universitas Maritim Raja Ali Haji) dan diiringi oleh beberapa pensyarah dari universiti-universiti berkaitan. Melalui program GOP 6.0 ini, salah satu agenda yang dirancang adalah aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan tema 'Blossom The Ideas' telah dilaksanakan dengan jayanya pada 21 hingga 23 Ogos 2023 yang lalu.

Aktiviti LDK ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim dan memupuk semangat kerjasama dalam kalangan mahasiswa dari dua nusantara. Sesi 'ice breaking' yang dilaksanakan telah berjaya membentuk semangat kerjasama berkumpul dalam kalangan mahasiswa yang terlibat. Mereka dibahagi kepada lapan kumpulan kecil dan diberi beberapa tugas seperti kenali budaya nusantara, 'lab reflections' dan 'seeking for job opportunities'. Setiap kumpulan telah mencipta identiti kumpulan masing-masing seperti kumpulan Meow Meow, Cikini, Sempak Merah, Kambing, Bakso, Barudak, Asteroid dan Infiniti.

Setiap kumpulan telah membentangkan olahan maklumat berkaitan tugas kenali budaya yang merangumi aspek makanan, pakaian, muzik tradisional dan tempat bersejarah di Malaysia dan Indonesia. Antaranya makanan etnik di Malaysia adalah nasi kerabu, nasi dagang dan satar. Manakala di Indonesia beberapa makanan etnik seperti gatot singkong, tahu bulat dan pempek.

Melalui festival yang diadakan ini, ahli kelab Nadi Bahasa Arab telah berjaya membuka mata para pelajar di UiTM Kampus Seremban dengan kewujudan kelab ini. Selain itu, para pelajar juga telah didedahkan dengan kemahiran bahasa melalui pertandingan-pertandingan yang telah dijalankan. Festival ini juga telah berjaya menarik minat para pelajar untuk menyertai kelab dengan pertambahan pendaftaran ahli kelab.

Dari aspek pakaian, di Malaysia, antara pakaian tradisional yang terkenal adalah baju Melayu cekak musang, baju kurung ibu soko, dhoti, sari, samfoo dan cheongsam. Manakala di Indonesia, kebanyakan pakaian tradisional berbeza mengikut daerah seperti pakaian adat penghulu, pakaian Bundo Kandung, pakaian Manten, baju teluk belanga, kebaya sunda, Bagajah Gamuling Baular Lulut dan kampret.

Mahasiswa dari setiap kumpulan juga telah bersama-sama meneroka maklumat berkaitan muzik tradisional negara masing-masing antaranya tarian tradisional yang terkenal di Malaysia iaitu tarian Ulek Mayang, tarian Sumazau dan tarian Kuda Kepang. Manakala tarian tradisional terkenal di Indonesia adalah tarian Ratoeh Jaroe, tarian Saman dan tarian Kecak. Kebiasaannya, tarian tradisional diiringi oleh alat-alat muzik tradisional seperti rebana, gong, gendang, seruling, gambang, kulintang, sompotan, bungkau, kerincing dan rapai (kompang). Seterusnya, kumpulan-kumpulan mahasiswa ini berkongsi informasi berkaitan tempat bersejarah di Malaysia dan di Indonesia dalam usaha memperingati lokasi-lokasi yang menjadi mercu tanda negara masing-masing. Antaranya adalah Istana Lama Seri Menanti, Lembah Bujang, Bangunan Sultan Abdul Samad yang terletak di Malaysia dan Benteng Vredeburg, Lawang Sewu, Gedung Sate di Indonesia. Setiap lokasi bersejarah ini mempunyai peristiwa yang

tersendiri untuk diperhalusi. Antara hasil kreativiti kenali budaya dua nusantara olahan mahasiswa ini ditunjukkan di Gambar 1.



Gambar 1. Hasil kreativiti dan olahan Kenali Budaya Dua Nusantara

Melalui program ini, mahasiswa berpeluang berkongsi pandangan dan cadangan penambahbaikan khususnya aspek pengurusan makmal rentetan daripada hasil lawatan di makmal sains UiTM CNS. Mereka telah mengutarakan pandangan dan idea bernas yang boleh diaplikasikan di makmal-makmal sains samada di UiTM CNS dan di makmal universiti masing-masing di Indonesia. Aktiviti ini telah merangsang daya pemikiran mahasiswa untuk sentiasa mengutamakan penambahbaikan berterusan.

Selain itu, setiap kumpulan juga telah mendapatkan maklumat berkaitan peluang kerjaya di syarikat terkemuka di negara masing-masing. Perkongsian maklumat ini memberi gambaran kepada mahasiswa masa kini bahawa mereka perlu sentiasa bersedia meneroka peluang kerjaya yang ditawarkan oleh syarikat terkemuka di negara masing-masing dan juga peluang kerjaya di luar negara. Setiap kumpulan telah berkongsi maklumat berkaitan beberapa syarikat terkemuka khususnya dalam bidang sains dan teknologi samada di Malaysia dan di Indonesia. Antaranya peluang kerjaya di Malaysia adalah seperti syarikat Ayamas, Nestle Malaysia, Dutch Lady,

Kerry Industries, LOTTE Chemical Titan dan Tenaga Nasional Berhad. Manakala beberapa syarikat terkemuka di Indonesia adalah seperti PT Freeport Indonesia, PERTAMINA, Nestle Indonesia, PT Kuark International, PT Sinar Mas, PT Great Giant Pineapple dan Boustead Petroleum Marketing Sdn Bhd.

Tugasan-tugasan yang diberikan ini telah dibentangkan oleh setiap kumpulan pada sesi kemuncak aktiviti LDK iaitu pada 23 Ogos 2023 dengan tema 'Blossom The Ideas'. Sesi pembentangan setiap kumpulan telah dinilai oleh sembilan juri dikalangan staff UiTM CNS iaitu Prof. Madya Ts. ChM. Dr. Sheikh Ahmad Izaddin Bin Sheikh Mohd Ghazali, ChM. Dr. Norliza Binti Dzakaria, ChM. Dr. Nur Nadia Binti Dzulkifli, ChM. Dr. Suhaidi Bin Ariffin, Puan Norul Azilah Bin Abdul Rahman, Puan Siti Noordinah Binti Abdul Latif, Ts. Zubir Bin Othman, Encik Jamil Bin Mohamed Sapari dan ChM. Dr. Ropisah Binti Me. Kumpulan Barudak telah menjuarai sesi pembentangan ini dengan mengetengahkan idea budaya nusantara melalui olahan kreatif tarian ulek mayang dan mengutarakan prospek kerjaya yang mantap. Gambar 2 menunjukkan sesi pembentangan dan penjurian aktiviti LDK ini.



Gambar 2. Sesi pembentangan dan penjurian aktiviti LDK - 'Blossom The Ideas'.

Secara keseluruhannya, aktiviti LDK GOP 6.0 dengan tema 'Blossom The Ideas' menjadi platform bagi memupuk semangat kerjasama, meningkatkan persefahaman budaya di kalangan mahasiswa dua nusantara, Malaysia dan Indonesia serta meransang minda mahasiswa agar sentiasa berfikir kreatif dan inovatif. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini mampu membina peluang interaksi dan kolaborasi global khususnya di kalangan mahasiswa UiTM CNS dalam usaha memacu kecemerlangan UiTM selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu ke arah Universiti Terkemuka Global.